



KERETA SEWA (TS)

PERKARA	DASAR UMUM
Tafsiran Akta 334	Kenderaan motor yang muatan duduknya tidak melebihi enam atau, dalam kawasan yang dibenarkan oleh Lembaga, dua belas orang (dalam semua keadaan termasuk pemandunya) yang digunakan untuk membawa penumpang pada satu perjalanan sebagai balasan kepada bayaran berasingan yang dibuat oleh mereka.
Jenis Perkhidmatan	i. Kereta Sewa Seluruh Sabah ii. Kerete Sewa Laluan Terhad iii. Kereta Sewa Bahagian
Kategori Pemohon	i. Individu ii. Syarikat Tunggal / Perkongsian iii. Syarikat Sdn Bhd / Syarikat Bhd iv. Koperasi ❖ Pengeluaran lesen kereta sewa seluruh Sabah dibekukan. ❖ Pengeluaran lesen kereta sewa laluan terhad dibuka mengikut keperluan. ❖ Permohonan kereta sewa bahagian hanya dibuka kepada pemegang lesen teksi (TX), teksi luar bandar (TQ) dan teksi lapangan terbang (TT) sedia ada sahaja.
Kawasan Operasi	i. Kereta Sewa Seluruh Sabah : Berpangkalan di Daerah tertentu dan beroperasi seluruh Sabah dan mesti bemula daripada pangkalan. ii. Kereta Sewa Laluan Terhad: Beroperasi berdasarkan laluan yang diluluskan dari satu Daerah ke satu Daerah, tidak melebihi 180km. iii. Kereta Sewa Bahagian : Beroperasi sekitar bahagian yang diluluskan. a) Bahagian Pantai Barat : Daerah Kota Belud, Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Putatan, Ranau dan Tuaran. b) Bahagian Sandakan : Daerah Beluran, Kinabatangan, Sandakan, Telupid, dan Tongod. c) Bahagian Tawau : Daerah Kalabakan, Kunak, Lahad Datu, Semporna dan Tawau. d) Bahagian Pendalaman : Daerah Beaufort, Keningau, Kuala Penyu, Nabawan, Sipitang, Tambunan dan Tenom.



Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Sabah Commercial Vehicles Licensing Board

Jenis Kenderaan	i. Saloon / MPV a) Bil. Penumpang: 5 tempat duduk / 4 penumpang b) Semua jenama dan model kenderaan yang memenuhi sekurang-kurangnya taraf tiga (3) bintang New Car Assessment Program for Southeast Asian Countries (ASEAN NCAP) atau yang setara dengannya ✂ Bagi lesen Kereta Sewa Bahagian sahaja
	ii. MPV a) Bil. Penumpang: 7 tempat duduk / 6 penumpang b) Semua jenama dan model kenderaan yang memenuhi sekurang-kurangnya taraf tiga (3) bintang New Car Assessment Program for Southeast Asian Countries (ASEAN NCAP) atau yang setara dengannya ✂ Bagi lesen Kereta Sewa Seluruh Sabah dan Bahagian sahaja
	iii. 4WD a) Bil. Penumpang: 5 tempat duduk / 4 penumpang b) Semua jenama dan model kenderaan yang memenuhi sekurang-kurangnya taraf tiga (3) bintang ASEAN NCAP atau yang setara dengannya ✂ Bagi lesen Kereta Sewa Seluruh Sabah sahaja
	iv. Van a) Bil. Penumpang: 12 tempat duduk termasuk pemandu b) Semua jenama dan model kenderaan yang memenuhi sekurang-kurangnya taraf tiga (3) bintang ASEAN NCAP atau yang setara dengannya ✂ Bagi lesen Kereta Sewa Seluruh (Laluan Terhad) sahaja
Usia Kenderaan: Had Umur Usia Melesenkan	25 tahun 19 tahun
Tempoh Kelulusan Lesen	5 Tahun / Bilangan tahun sehingga mencapai had umur yang ditetapkan
Sistem Tambang	Kadar tambang berdasarkan jarak bagi setiap penumpang
Kadar Tambang	Hawa Dingin: 22.8 sen/km Tanpa Hawa Dingin: 20.5 sen/km



Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Sabah Commercial Vehicles Licensing Board

Tanda Badan	i. Tanda badan (body marking) : Jenis perkhidmatan teksi serta nama syarikat / koperasi / individu tertera pada kedua-dua pintu hadapan kenderaan. ii. Warna Kenderaan : a) Kereta sewa seluruh Sabah - bumbung kuning, badan putih keseluruhan b) Kereta sewa laluan terhad - bumbung kuning, badan putih keseluruhan c) Kereta sewa bahagian - badan bebas iii. Struktur panel : a) Kereta sewa seluruh Sabah - menggunakan latar belakang <u>berwarna putih</u> pada struktur panel berlampu; dan mempamerkan perkataan 'KERETA SEWA' pada bahagian hadapan struktur panel b) Kereta sewa bahagian - menggunakan latar belakang <u>berwarna kuning</u> pada struktur panel berlampu; dan mempamerkan perkataan 'KERETA SEWA' pada bahagian hadapan struktur panel
Pemasangan Global Positioning System (GPS)	Wajib



➤ Kriteria Pemohonan Yang Layak

Individu / Syarikat Tunggal / Perkongsian	Syarikat Sdn Bhd / Berhad / Koperasi
a) Warganegara Malaysia. b) Mempunyai sijil kelahiran bagi setiap pemilik. c) Mempunyai lesen memandu CDL dan PSV. d) Penduduk asal daerah berkenaan dan menetap di daerah tersebut. e) Mengemukakan Lesen Berniaga yang dikeluarkan oleh pihak PBT berkaitan KECUALI permohonan atas nama individu. f) Hanya dibenarkan memiliki 1 unit lesen sahaja. g) Bukti modal RM20,000 bagi setiap unit yang dipohon atau telah memiliki kenderaan yang dibenarkan untuk dilesenkan sebagai kereta sewa.	a) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). b) Memiliki lesen berniaga yang dikeluarkan oleh pihak PBT berkaitan yang masih berkuatkuasa. c) Memiliki sijil kelahiran bagi setiap pemegang ekuiti. d) Bukti modal RM20,000 bagi setiap unit yang dipohon atau telah memiliki kenderaan yang dibenarkan untuk dilesenkan sebagai kereta sewa. e) Sokongan / kelulusan pihak berkuasa tempatan bagi tempat letak kenderaan di perhentian / terminal pangkalan asal dan destinasi akhir.